KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

RM1.7 JUTA UNTUK USAHAWAN DESA KUASAI TEKNOLOGI BAHARU, PENDIGITALAN

AYER KEROH, 24 Jun - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, KKDW memperuntukkan RM1.7 juta untuk memberi pendedahan secara langsung serta praktikal kepada usahawan desa beralih kepada teknologi baharu dan pendigitalan pada tahun ini.

Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKDW, berkata Kementerian menyasarkan 1,200 usahawan desa dilatih menerusi penganjuran Program Pendigitalan Usahawan Desa (PPU).

“Selaras dengan perkembangan transformasi digital yang pesat ini, Kementerian turut mengambil inisiatif memperkenalkan penggunaan teknologi pintar iaitu Teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Inteligence - A.I) dan Kecerdasan Pengguna (Consumer Intelligence - C.I) dalam pelaksanaan program ini.”

Tambah beliau, penggunaan teknologi ini untuk menganalisa keperluan setiap usahawan desa yang hadir bagi mengenal pasti dan mencadangkan solusi digital yang bersesuaian dalam mendigitalkan pengurusan dan pengoperasian perniagaan yang diusahakan.

Katanya lagi, PPU di bawah Program Desamall ini adalah inisiatif tambahan yang dilaksanakan Kementerian untuk merapatkan jurang digital dengan membantu usahawan desa meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

“Kita sasarkan peningkatan pendapatan usahawan ini antara 10-30 peratus selepas tempoh setahun memasarkan produk dalam talian”

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Pendigitalan Usahawan Desa Siri 2 Zon Selatan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), hari ini.

Datuk Che Murad turut menyaksikan Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Pentadbiran Desamall dan rakan strategik PPU yang baharu iaitu Lalamove, Dattle dan Beez.

Program ini memudahkan usahawan desa mengadaptasi dan menceburi perniagaan secara atas talian melalui 12 modul dengan **kerjasama 25 rakan strategik Kementerian.**

Antaranya, Bank Islam, Bank Simpanan Nasional (BSN), Maybank, Rural Capital Berhad, Mesinkira, Bayarlah, Fasspay, Boost Biz, CelcomDigi, Maxis, Troopers, Ohsem Ads, Maybank Sama-sama Lokal, Lazada, Shopee, Peasy, MyMall, Petron Malaysia, Halal Development Corporation (HDC), IPVolusi, TikTok Shop Malaysia, Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC), Dattel, Lalamove dan MyNIC.

Sebanyak lima (5) siri jelajah PPU direncanakan Kementerian sehingga hujung tahun ini meliputi Perlis pada Julai, Sarawak (Ogos), Pahang (September) dan Sabah (Oktober).

Siri 1 program ini telah diadakan pada Februari lalu di Kota Damansara, Selangor yang melibatkan seramai 161 usahawan desa.

TAMAT

Disediakan Oleh
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
24 Jun 2024